



HELAIAN DATA KESELAMATAN

Penafian:

Pengguna perlu menyemak kandungan (SDS) ini dan menentukan kaedah yang bersesuaian mengikut undang-undang tempatan negara mereka di bawah Kesihatan dan Keselamatan dan menggunakannya ketika diperlukan. (SDS) ini tidak akan merujuk Undang-Undang Kesihatan dan Keselamatan setiap negara. Pengguna bertanggungjawab untuk menentukan kaedah yang bersesuaian dengan penggunaan mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan mana-mana senarai kimia khusus dan menggunakan peraturan tersebut mengikut keperluan.

1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Pengecam Produk: PoP FLUX 8.9HF-LV

Nombor SDS: SDS- 4839

Tarikh Dikemas Kini:

3 MEI 2021

Kegunaan Produk: KEGUNAAN INDUSTRI (CAMPURAN) - Fluks Pateri

PENGELUAR:

Di Amerika:

The Indium Corporation of America®.

34 Robinson Rd., Clinton, NY 13323

Maklumat: (315) 853-4900

nswarts@indium.com

TELEFON KECEMASAN:

CHEMTREC 24 hrs.

AS: 1 (800) 424-9300

Di luar AS: +1 (703) 527-3887

Di Eropah:

The Indium Corporation of America® (European Operations)

7 Newmarket Ct

Kingston, Milton Keynes, UK, MK 10 OAG

Maklumat: +44 [0] 1908 580400

Di China:

Indium Corporation (Suzhou), Co., Ltd.

No. 428 Xinglong Street

Suzhou Industrial Park

Suchun Industrial Square

Unit No. 14-C

Jiangsu Province, China 215126

Maklumat: (86) 512-6283-4900

Di Asia:

Indium Corporation of America

Operasi Asia Pasifik-Singapura

29 Kian Teck Avenue

Singapura 628908

Maklumat: +65 6268-8678

2. PENGENALAN BAHAYA

LALUAN MASUK UTAMA:

⊗Mata ⊗Penyedutan ⊗Kulit ⊗Oral

Karsinogen disenaraikan dalam

NTP IARC OSHA ⊗Tidak Tersenarai

GHS

Pengelasan:

Pemekaan kulit- Kategori 1B

Perengsaan mata - Kategori 2A

Pemekaan pernafasan- Kategori 1B

Ketoksikan pembiakan – Kategori 1B



Kata Isyarat: Amaran

Pernyataan(-pernyataan) Bahaya

H317	Boleh menyebabkan tindak balas alahan kulit
H319	Menyebabkan kerengsaan mata yang serius
H334	Boleh menyebabkan gejala alahan atau asma atau kesukaran bernafas jika tersedut
H360	Boleh memudaratkan kesuburan atau anak yang belum lahir

Pernyataan(-pernyataan) berjaga-jaga

P233	Pastikan bekas ditutup rapat
P261	Elakkan daripada tersedut habuk/wasap/gas/kabus/wap/semburan
P270	Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini
P273	Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran
P280	Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung/perindungan mata/pelindungan muka
P362 +P364	Tanggalkan pakaian tercemar dan basuh sebelum menggunakannya semula
P301 +P314	JIKA TERTELAN: Dapatkan nasihat/rawatan Perubatan jika anda rasa tidak sihat
P302 +P352	JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak
P304 + P341	JIKA TERSEDUT: Jika mangsa sukar bernafas, pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan yang selesa untuk mangsa
P305 + P351	JIKA TERKENA MATA: Bilas secara berterusan dengan air selama beberapa minit (15 minit)

KESAN-KESAN KESIHATAN BERPOTENSI:

Terkena Mata: Merengsakan mata dan jika tidak dikeluarkan segera, boleh mengakibatkan kerengsaan mata yang serius. Jangan biarkan bahan terkena mata.

Oral: Boleh menyebabkan kerengsaan.

Penyedutan: Kepekatan wap panas boleh memudaratkan jika terhidu. Menyebabkan kerengsaan pada saluran pernafasan. Tersedut rosin boleh menyebabkan asma pekerjaan.

Terkena Kulit: Boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Reaksi alahan mungkin berlaku, terutama selepas pendedahan berulang atau berpanjangan.

Kronik: Belum ditetapkan.

NOTA: **Indium Corporation tidak mengesyorkan, membuat, memasarkan atau mengendors mana-mana produknya untuk dimakan atau sebagai bahan makanan manusia.**

3. KOMPOSISI / MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

Komponen	% wt	CAS Registry #	PEL mg/m ³	TLV-TWA mg/m ³	TLV-STEL mg/m ³
ROSIN	40-45	65997-05-9 (EU)	N.E. 0.05	N.E. N.E.	N.E. 0.15 (pemeka)
POLIGLIKOL ETER	29-32.5	9038-95-3	N.E.	N.E.	N.E.
BIS(2-(2-METHOXYETHOXY)ETHYL)ETHER (TETRAETHYLENE GLYCOL DIMETHYL ETHER)	6.5-7.5	143-24-8/205-594-7	N.E.	N.E.	N.E.
ASID LEMAK (C6-12)	15-25	67762-36-1	N.E.	N.E.	N.E.

N.E. = Belum ditetapkan

EU = Had Pendedahan Pekerjaan Kesatuan Eropah

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN KECEMASAN

- Terkena Mata:** Angkat kelopak mata dan bilas mata dengan air suam sekurang-kurangnya selama 15 minit. Dapatkan rawatan perubatan jika kerengsaan berterusan.
- Oral:** Jika pesakit sedar, HANYA cetuskan muntah seperti yang diarahkan oleh kakitangan terlatih. JANGAN memberi apa-apa melalui mulut kepada orang yang tidak sedarkan diri. Dapatkan rawatan perubatan dengan serta-merta.
- Penyedutan:** Pindahkan ke kawasan berudara segar. Jika tidak bernafas, berikan pernafasan bantuan atau oksigen oleh kakitangan terlatih. Dapatkan rawatan perubatan dengan serta-merta.
- Terkena Kulit:** Tanggalkan pakaian yang tercemar. Basuh kawasan yang terjejas dengan sabun dan air. Bilas dengan air suam sekiranya ia merengsakan kulit. Basuh pakaian sebelum dipakai semula. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH MEMADAM API

- Takat Kilat:** Tidak mudah terbakar. **Kaedah:** EPA Method SW 1030.
- Suhu Pencucuhan Auto:** Tidak ditetapkan.
- Had Mudah Terbakar:** Tidak berkenaan, tidak mudah terbakar.
- Bahan Pemadam Api:** Gunakan alat pemadam yang sesuai bagi keadaan persekitaran kebakaran.
- Prosedur Memadam Api Khas:** Ahli bomba harus memakai alat pernafasan serba lengkap dan pakaian perlindungan yang lengkap yang diluluskan NIOSH.

6. LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TAK SENGAJA

- Prosedur Kebocoran atau Tumpahan:** Pakai alat pernafasan dan perlindungan diri yang sesuai (Lihat Bahagian Kawalan Pendedahan/Perlindungan Diri). Serap tumpahan dengan bahan lengai (cth., pasir atau tanah kering), kemudian masukkan ke dalam bekas bahan sisa kimia. Lupuskan mengikut semua peraturan Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Pastikan kawasan diudarkan dengan baik. Di EU, rujuk Peraturan Sisa Khas.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

- Langkah Berjaga-jaga Pengendalian:** Pastikan bekas-bekas ditutup rapat apabila tidak digunakan. Berhati-hati untuk mengelakkan tumpahan. Elakkan daripada menyedut wap daripada bahan yang dipanaskan. Elakkan terkena mata, kulit dan pakaian. Guna dengan pengudaraan yang cukup.
- Langkah berjaga-jaga penyimpanan:** Simpan produk di dalam bekas asal yang tertutup rapat di tempat yang sejuk dan kering. Jauhkan daripada haba dan api. Simpan jauh dari bahan-bahan yang tidak sesuai. Bekas-bekas kosong mungkin berbahaya kerana ia mengandungi sisa produk.

8. KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

Kawalan Kejuruteraan: Ventilasi ekzos yang baik perlu mencukupi untuk mengawal paras bawaan udara dan mengekalkan pendedahan pada tahap yang serendah mungkin.

Perlindungan diri:

- Mata:** Cermin mata/gogal keselamatan bahan kimia. Pelindung muka untuk bahaya percikan.
- Respirator:** Alat pernafasan pemurni udara yang diluluskan atau mematuhi pihak berkuasa dengan kartrij wasap/organik/zarah disyorkan dalam keadaan tertentu di mana kepekatan udara dijangka meningkat.
- Kulit:** Sarung tangan tahan kimia yang sesuai. Pakaian perlindungan luaran, apron dan baju berlengan yang sesuai.
Lindungi kulit daripada pendedahan secara langsung.
- Lain-lain:** Pancuran air untuk mata/mandi di tempat kerja. Elakkan penggunaan kanta lekap di kawasan-kawasan kandungan wasap yang tinggi.
- Amalan-amalan Kerja/Kebersihan:** Mengekalkan perkemasan yang baik. Serta-merta bersihkan tumpahan. Elakkan daripada makan, merokok atau minum di kawasan tempat kerja. Cuci tangan secara teliti dengan sabun dan air dengan serta-merta apabila meninggalkan kawasan tempat kerja.

9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Rupa:	Fluks-kuning	Takat Didih:	Tidak ditetapkan
Bau:	Bau berciri ringan.	Takat Lebur:	Belum ditetapkan
Graviti Khusus:	Belum ditetapkan	pH:	Tidak berkenaan
Tekanan Wap:	Belum ditetapkan	Kelarutan dalam Air:	Tidak larut
Ketumpatan Wap:	(air=1) Tidak berkenaan.	Kemudahbakaran:	Tidak mudah terbakar/dinyalakan

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

- Umum:** Stabil.
- Keadaan-keadaan untuk Dielakkan:** Suhu rendah. Suhu tinggi.
- Bahan-bahan Tak Serasi:** Tidak ditetapkan
- Penguraian / Kebakaran Berbahaya:** Belum ditetapkan
- Pempolimeran Berbahaya:** Tidak akan berlaku.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Kekarsinogenan: NTP: Tidak
OSHA: Tidak
IARC: Tidak

LD50: Tidak ditetapkan. **LC50:** Tidak ditetapkan.

Lain-lain: Pendedahan yang berpanjangan atau berulang kepada wasap fluks rosin boleh menyebabkan asma pekerjaan kepada para pekerja.

Tiada satu pun bahan-bahan termasuk proprietari disenaraikan sebagai karsinogen.

Boleh memudaratkan kesuburan atau anak yang belum lahir. Tetraethylene glycol dimethyl ether – LD50 Oral- tikus- betina-3,640-4160 mg/kg LD50 kulit tikus, jantan>6,900mg/kg

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Produk belum diuji.

13. PERTIMBANGAN PELUPUSAN

Kaedah Pelupusan Bahan Sisa: Lupus mengikut peraturan alam sekitar Wilayah, Negeri dan Setempat. Di Eropah patuhi Peraturan-Peraturan Bahan Lupus Khas.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Angkut mengikut peraturan dan syarat antarabangsa yang berkaitan Tidak dikawal selia di bawah US DOT (Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat).

Tidak berbahaya di bawah semua mod penghantaran.

Tidak berbahaya di bawah IATA. Tidak dikawal selia.

UN – tiada

15. MAKLUMAT PERATURAN

Maklumat Helaian dalam Data Keselamatan ini memenuhi keperluan peraturan the United States Occupational Safety and Health Act dan peraturan yang diisytiharkan di bawah dokumen ini (29 CFR 1910.1200 ET. SEQ.).

Produk ini telah dikelaskan sebagai kriteria bahaya mengikut Canadian Controlled Products Regulation (CPR).

WHMIS: D2B –Bahan Menyebabkan Kesan Toksik Lain (perengsa atau pemeka)



Produk ini telah dikelaskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Perindustrian Republik Singapura.

SARA 313 Listing (TRI Reporting) - 40 CFR 372.65 - TIADA

Semua bahan telah disenaraikan dalam Inventori USEPA TSCA.

RoHS = Restriction of Hazardous Substances (Sekatan Bahan Berbahaya). Produk tidak mengandungi mana-mana bahan yang disenaraikan.

Produk mengandungi REACH Substance of Very High Concern (SVHC)- Tetraethylene glycol dimethyl ether (CAS# 143-24-8).

Produk ini telah dikelaskan di bawah peraturan-peraturan negara Mexico NOM-018-STPS-2015 dan NOM-010-STPS-2014.

Produk ini telah dikelaskan di bawah: Malaysia – PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PENGELASAN, PELABELAN DAN HELAIAN DATA KESELAMATAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA) 2013 – (CLASS).

Di China:

Dekri No. 591: Regulations on the Control over Safety of Hazardous Chemicals

GB 30000.2-29-2013, Rules for classification and labeling of chemicals.

GB/T 16483-2008, GB/T 17517-2013

Produk ini telah dikelaskan menggunakan Chinese Occupational Exposure Limit for Hazardous Agents in the Workplace, GBZ2-2007

Jepun:

Poisonous and Deleterious Substance Control Law (PDSCL): Tiada bahan disenaraikan.

Fire Service Law (FSL): Tidak dikawal selia/tidak berbahaya.

Industrial Safety and Health Law (ISHL): bahan-bahan disenaraikan

PRTR and Promotion of Chemical Management law, Class I Substance: Tidak berkenaan.

Undang-undang Pelupusan Sisa dan Pembersihan Awam: produk tidak dikelaskan sebagai berbahaya untuk pelupusan sisa

Class II Designated Chemical Substances: Tiada bahan disenaraikan.

Bahan-bahan disenaraikan dalam Senarai Bahan Kimia Inventori Jepun/Senarai Bahan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Industri.

Semak SDS dan gunakan peraturan di mana berkenaan.

16. MAKLUMAT LAIN

Kadar Bahaya HMIS:	Kesihatan:	1
	Kebakaran:	1
	Bahaya Fizikal:	0

Tarikh Dikemas Kini: 3 MEI 2021

Disediakan oleh: Nancy Swarts, Indium Corporation of America

Diluluskan oleh: Nancy Swarts, Indium Corporation of America

Maklumat dan saranan yang terkandung dalam dokumen ini, mengikut pengetahuan dan kepercayaan The Indium Corporation of America, adalah tepat dan boleh dipercayai pada tarikh dikeluarkan. The Indium Corporation of America tidak mengesahkan atau menjamin ketepatan atau kebolehpercayaan maklumat dan saranan ini, dan The Indium Corporation of America tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang berpunca daripada hal ini. Maklumat dan saranan ini ditawarkan untuk dipertimbangkan dan disemak oleh, dan pengguna bertanggungjawab pengguna untuk memutuskan sama ada pengguna tersebut berpuas hati tentang kesesuaian dan kesempurnaannya untuk kegunaan yang tertentu. Jika pembeli membungkus semula produk ini, penasihat undang-undang hendaklah dirujuk untuk memastikan maklumat kesihatan, keselamatan dan maklumat lain yang betul telah disertakan pada bekas.